

Noor
Mohamad
Shahid
Nameed

Kenyataan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) baharu-baru ini bahawa masalah rasuah di negara ini sangat serius cukup merisaukan. Walaupun tangkapan demi tangkapan dibuat, namun masalah ini dilihat terus menjadi virus dan barah yang sukar diubati dalam masyarakat kita.

Berdasarkan statistik yang dikumpul Bahagian Pengurusan Rekod dan Teknologi Maklumat SPRM, kes rasuah terutama membabitkan penjawat awam sepanjang 2016 dan sehingga Februari tahun ini cukup merisaukan dan perlu perhatian serta tindakan yang sewajarnya dengan segera. Misalnya, sebanyak 665 kertas siasatan dibuka membabitkan kes rasuah dalam kalangan penjawat awam di mana daripada jumlah itu seramai 548 penjawat awam ditangkap sepanjang tempoh berkenaan dan sebanyak 63 kes dituduh di mahkamah. Malah, sebanyak 114 tangkapan berkaitan rasuah dan salah guna kuasa dilakukan SPRM bermula Januari hingga awal Mei lalu. Daripada jumlah itu pula, 191 individu adalah penjawat awam termasuk 13 individu dari kelompok pengurusan tertinggi, 44 individu pengurusan dan profesional dan selebihnya kalangan anggota kumpulan pelaksana.

Jelas rasuah dan salah guna kuasa terus membelenggu sektor awam negara ini. Walaupun bilangan penjawat awam yang terlibat dengan masalah ini secara relatifnya masih rendah berbanding jumlah keseluruhan penjawat awam, tetapi kita tidak boleh berdiam diri dan membenarkan najis rasuah terus mencemarkan nama baik perkhidmatan awam. Kita khuatir keyakinan dan persepsi rakyat terhadap anggota perkhidmatan awam secara khususnya dan perkhidmatan awam secara umumnya boleh terjejas teruk disebabkan nila setitik yang terus menghantui imej dan nama baik sektor awam.

Lebih membimbangkan khalayak apabila SPRM turut

mendedahkan betapa jijiknya tindakan segelintir penjawat awam yang turut tergamak menerima sogokan berunsur agama. Siasatan pihak SPRM menunjukkan sudah ada penjawat awam yang menerima sogokan rasuah bertopengkan agama seperti menerima tawaran pakej umrah dan haji, malah ada juga yang dikatakan menerima sogokan pakej majlis berbuka puasa di restoran dan hotel mewah pada Ramadan lalu. Malah, rasuah dan salah guna kuasa membabitkan kakitangan agensi agama juga turut membimbangkan seperti apa yang berlaku di Pulau Pinang iaitu beberapa individu dari Zakat Pulau Pinang (ZPP) ditahan untuk membantu siasatan kes penyelewengan dana zakat ZPP. Jelas rasuah tidak mengenal latar belakang mahupun kedudukan seseorang kerana semua boleh terpalit jika tersalah langkah.

Hakikatnya pada hari ini pemberi dan penerima rasuah juga dilihat semakin kreatif apabila suapan tidak lagi terbatas kepada wang dan barangan berharga semata-mata. Dan apa yang pasti perkhidmatan awam terus menjadi sasaran dan ini jelas merisaukan kita semua. Persoalannya sampai bila kita mahu membiarkan anasir jahat yang terdiri daripada peminta dan penerima rasuah, penawar dan pemberi rasuah serta individu yang suka membelakangkan nilai integriti seperti ini terus mencemarkan nama baik sektor awam di negara ini.

Semua pihak perlu melihat gejala rasuah ini sebagai satu masalah nasional yang besar dan serius lantas kita perlu melancarkan jihad untuk memerangi rasuah dan penyelewengan terutama di sektor awam. Perkhidmatan awam adalah tulang belakang pentadbiran kerajaan. Golongan penjawat awam adalah pembuat dan juga pelaksana dasar penting membabitkan kemajuan negara dan juga kesejahteraan rakyat. Jadi kita tidak boleh membiarkan rasuah terus membelenggu sektor awam kerana akan merugikan negara dan juga rakyat secara keseluruhannya.

Usaha untuk memerangi rasuah ini perlu berlaku di semua peringkat dan perlu dilakukan secara spesifik dan berfokus. Bagi penulis rumah dan sekolah adalah antara dua peringkat yang cukup

penting bagi menanam rasa benci terhadap rasuah dan salah guna kuasa. Ibu bapa misalnya perlu pupuk dan tanamkan dalam diri anak supaya faham apa itu rasuah dan kesan buruknya kepada diri dan juga masyarakat. Walaupun anak masih kecil, tetapi percayalah usaha ini perlu dimula dan dilaksanakan seawal zaman kanak-kanak secara berterusan dan konsisten supaya anak kita cukup jelas dan boleh memahami masalah ini. Malah, usaha selanjutnya juga wajar dilakukan oleh pihak sekolah

dengan pelbagai pendekatan yang kreatif agar anak sedar bahawa rasuah adalah satu kesalahan yang cukup serius. Ringkasnya melentur buluh biarlah dari rebungunya. Selain itu pihak kerajaan juga perlu memantapkan lagi aspek penilaian dan saringan ke atas calon lantikan baru ke sektor awam. Penjawat awam baru dan muda ini perlu dipastikan melepasi tapisan keutuhan dan integriti yang lebih ketat berbanding sekarang sebelum dilantik memegang sesuatu jawatan. Hal ini penting kerana kesilapan

mahupun kekealan kita pada peringkat pelantikan ini boleh membawa bencana dan malapetaka yang besar dan berpanjangan kepada perkhidmatan awam. Bayangkan kalau kita salah pilih dan salah lantik individu yang bermasalah mereka ini akan menjadi virus dan merosakkan sektor awam untuk suatu tempoh yang cukup panjang iaitu sehingga mencapai umur persaraan. Keadaan akan menjadi bertambah parah apabila mereka ini dilantik pulak ke jawatan penting yang sekali gus membuka

lebih banyak lagi peluang kepada mereka untuk mengaut pelbagai keuntungan.

Di samping itu bagi penjawat awam yang bermasalah dan sudah ada dalam sistem yang sedia ada, kita perlu kenal pasti mereka dan memantau secara rapi agar tidak meneruskan tabiat buruk mereka. Malah, yang dikenal pasti terlibat dengan unsur salah guna kuasa dan rasuah perlu diambil tindakan tegas dengan segera. Besarlah harapan kita agar golongan ini akan insaf dan segera berubah membetulkan keadaan dengan mengambil iktibar beberapa kes terutamanya kes berprofil tinggi yang dibawa ke muka pengadilan baru-baru ini. Berhenti dan berubahlah sementara masih ada peluang dan sebelum terlewat. Dan tolong jangan mencemarkan lagi nama baik penjawat awam dan juga sektor awam.

Hakikatnya tanggungjawab memerangi rasuah tidak boleh diletakkan di bahu SPRM semata-mata. Setiap seorang daripada kita perlu

tekad dan melancarkan jihad untuk memerangi rasuah. Percayalah kita boleh melakukan perubahan secara bersama. Misalnya jangan sesekali memberi mahupun menawarkan rasuah, jangan meminta dan juga menerima rasuah. Katakan tidak pada rasuah.

Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti putra Malaysia



Jihad perangi rasuah dalam sektor awam